

SIAPA YANG SALAH

sekitar
REVOLUSI MENTAL
dan
PERIBADI MELAYU

3.6089923
ASH

Dr. Syed Hussein Alatas



siapa yang salah
sekitar revolusi mental dan peribadi melayu

**'pada masa satu bangsa menghina dirinya,
pada masa itulah bangsa lain akan menghina'**

— **MENG TSE**

(kira-kira 300 tahun S.M.)



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPRIMINAN
PERDANA

*sebuah buku kajian
diterbitkan
oleh
Penerbitan Pustaka Nasional
Singapura
dan
dicetak
oleh
Al-Ahmadiyah Press
Singapura*

*cetakan pertama 1972
harga \$2.20.*



SIAPA YANG SALAH

**sekitar
REVOLUSI MENTAL
dan
PERIBADI MELAYU**

oleh

Dr. Syed Hussein Alatas

1972

**PUSTAKA NASIONAL
SINGAPURA**



PUSTAKA PERDANA



1006215

63



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

prakata

Buku *Revolusi Mental* telah menarik perhatian kebanyakan masyarakat Melayu, sebagai sebuah buku yang paling popular sekali dalam kalangan orang-orang Melayu hari ini. Tetapi padanya terdapat pula beberapa perkara yang menimbulkan sungutan setengah-setengah golongan intelek Melayu, kerana menurut mereka, setengah dari pendapat-pendapat yang dikemukakan itu tidak menjalani pengkajian yang mendalam atau dirujukkan terlebih dulu kepada fakta-fakta sejarah yang tepat, terutama sekali dalam memperkatakan sikap peribadi Melayu.

Dr. Syed Hussein Alatas telah meneliti isi buku itu dan telah memberikan pandangannya terhadap pendapat-pendapat yang menyentuh peribadi Melayu berkaitan dengan apa yang tersurat di dalamnya. Hasilnya ialah buku ini, yang telah diberi judul: *Siapa Yang Salah — Sekitar Revolusi Mental Dan Peribadi Melayu*.

Tujuan kami menerbitkan buku ini ialah untuk mencari kebenaran berhubung pentingnya buku *Revolusi Mental* itu dalam mengembalikan peribadi bangsa Melayu kepada kedudukannya yang setaraf dengan bangsa-bangsa lain, dan menimbulkan semangat untuk mengubah sikap dalam mencari kemajuan kehidupan sehari-hari.

Mudah-mudahan hal ini tiada menjadi kekeliruan kepada pembaca-pembaca yang menatap buku ini kelak.

Penerbit



KATA PENDAHULUAN

Maksud saya menghidangkan ke khalayak ramai risalah ini bukanlah demi pertelingkahan politik dengan parti UMNO. Saya terpaksa menyebut parti UMNO kerana ianyalah yang menerbitkan buku *Revolusi Mental*. Jika buku ini diterbitkan oleh orang atau golongan lain, nescaya risalah ini juga akan terbit sebagai sambutan. Demikianlah saya harap bahwa uraian-uraian saya dalam risalah ini janganlah dianggap sebagai permainan politik.

Soal kemajuan masyarakat Melayu tidak patut dijadikan permainan politik. Soal ini terlalu mustahak sifatnya dan memerlukan sikap sungguh-sungguh bagi menghadapinya. Penjelasan ini perlu mengingat peranan saya di masa lampau baru-baru ini sebagai Ketua Kebangsaan Parti Gerakan Rakyat Malaysia, dan Ahli Dewan Negara, semasa parti itu masih dalam keadaan membangkang. Sekarang ini, saya tidak berparti politik lagi. Saya sedang menumpukan perhatian saya dalam bidang-bidang ilmiah sahaja.

Perhatian saya berkenaan soal kemajuan masyarakat Melayu mulai bangkit di tahun 1946, semasa saya tinggal di rumah bapak saudara saya Datok Onn bin Jaafar di Johor Bahru sewaktu beliau menjadi pemimpin besar UMNO. Pada masa itu saya masih bersekolah di English College, Johor Bahru. Pada waktualam beliau selalu membahaskan soal-soal kemajuan masyarakat Melayu. Hal ini berlaku kurang-lebih dalamasa dua tahun.

Allahyarham Datok Onn berpendapat bahwa yang menghalang kemajuan masyarakat Melayu ialah orang-orang yang memegang tampuk pimpinan dalam masyarakat Melayu. Beliau tidak sekali-kali pernah merendahkan kebudayaan Melayu ataupun nilai-nilai hidup masyarakat Melayu. Beliau juga tidak sekali-kali pernah memperkecilkan rasa bangga masyarakat Melayu.

Sebagaimana Sayid Jamaluddin al-Afghani berkata dalam sebuah risalahnya yang terbit pada tahun 1881 di Hyderabad, Deccan, salahsatu sifat manusia yang penting sekali ialah sifat hargadiri, sifat bangga terhadap kaum sendiri. Bukanlah sifat bangga yang merendahkan kaum-kaum lain. Menurut Sayid Jamaluddin kebanggaan terhadap kaum sendiri akan menimbulkan hasrat berlumba-lumba untuk mencapai segala kebaikan. Sebaliknya, jika sesuatu bangsa itu merasa rendahdiri, ragu-ragu akan kelebihanannya, bangsa itu akan dihinggapi penyakit lemah semangat, kurang usaha mencapai kebaikan, rendah kedudukannya, hidup dalam suasana melarat, terjajah dan terhina. Demikian pendapat Sayid Jamaluddin al-Afghani dalam risalahnya *al-Radd ala al-Dahriyyin*, terjemahan bahasa Arab dari bahasa Farsi.

Bangga terhadap kaum sendiri tidak berarti buta terhadap kelemahan-kelemahan yang ada di kalangan sendiri. Contoh bagi kita ialah sikap Amir Shakib Arsalan dalam karangannya *Mengapa Kaum Muslimin Mundur dan Mengapa Kaum Selain Mereka Maju?** Shakib Arsalan mendedahkan kelemahan-kelemahan ummat Islam dewasa ini. Tetapi beliau menghargai

* Terjemahan Munawar Chalil, terbitan Bulan Bintang, Jakarta, 1967.

kebudayaan Islam, Agama Islam, dan keseluruhan umat Islam. Dengan kita menyerang kelemahan-kelemahan sendiri ini tidak berarti kita seharusnya mesti merendahkan kebudayaan sendiri. Ini tergantung pada sifat kebudayaan itu. Jika nilai-nilainya tinggi mutunya, maka kebudayaan itu tidak patut direndahkan atau diburuk-burukkan.

Kebudayaan Melayu berdasarkan atas nilai-nilai yang beradab dan bersifat kemajuan. Keburukan-keburukan yang terjadi adalah penyelewengan-penyelewengan semata-mata yang terdapat di seluruh masyarakat di dunia. Umpamanya, jika terdapat seorang Melayu *malas*, ini tidak berarti kebudayaan Melayu mengutamakan *unsur malas*. Yang terang ialah kebudayaan Melayu menganjurkan *unsur rajin*. Demikian juga jika ada beberapa orang Melayu yang terganggu fikirannya, mengamuk, membunuh beberapa orang, matagelap, ini tidak berarti bahwa sifat *mengamuk* itu merupakan bahagian utama (basic part) daripada watak Melayu. Inilah pendapat Dr. Mahathir dalam bukunya *The Malay Dilemma**. Sifat mengamuk dianggap oleh Dr. Mahathir sebagai salahsatu sendi dasar peribadi Melayu (Lihat bukunya halaman 117-118).

Buku Dr. Mahathir *The Malay Dilemma* ini, sebagaimana juga buku *Revolusi Mental* akan menggelirukan pembaca-pembaca tentang peribadi Melayu. Kedua-duanya, akibatnya, merendahkan peribadi dan kebudayaan Melayu, walaupun ini mungkin tidak dituju oleh pengarang-pengarangnya.

Dalam risalah ini saya bahaskan buku *Revolusi Mental*. Baiklah hanya saya sentuh dalam Kata-Pen-

* Lihat Dr. Mahathir, *The Malay Dilemma*, Asia Pasific Press, Singapore 1970.

dahulu ini pendapat Dr. Mahathir tadi kerana yang lainnya akan dibahas nanti. Ini saya lakukan untuk menjelaskan bagaimana soal-soal kebudayaan dan peribadi Melayu telah dibahas dengan cara jauh daripada ilmiah. Mereka yang membahaskan soal peribadi Melayu bukan ahli dalam ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya. Walaupun setengah dari mereka ini berijazah universiti, ini belum bermakna mereka itu ahli dalam ilmu masing-masing. Ijazah itu menandakan tingkat pelajaran dalam sesuatu bidang, belum keahlian dalam sesuatu ilmu. Selain dari itu dalil-dalil yang mereka gunakan untuk menentukan peribadi Melayu kebanyakannya lemah. Penentuan masalah pun kurang teratur cara-caranya.

Baiklah kita beri contoh di sini. Apakah peribadi sesuatu bangsa itu?

Buku *Revolusi Mental* menjelaskan berikut:

“Peribadi nasional mengikut Margaret Mead, ialah peribadi yang biasa terdapat di kalangan orang-orang dalam satu bangsa itu yang disebabkan oleh kebudayaan mereka. Oleh itu, sebelum kita membuat analisa tentang peribadi nasional, kita mestilah mengkaji kebudayaan bangsa itu lebih dahulu. Iaitu, semua lembaga dan kebiasaan dalam masyarakat bangsa itu mestilah diketahui. Teknologi, ekonomi, organisasi-organisasi kemasyarakatan, kesenian, agama, kepercayaan, bahasa — semua aspek-aspek kebudayaan mestilah diterangkan lebih dahulu supaya keadaan kebudayaan dalam kehidupan orang-orang dalam sesuatu bangsa itu dapat dicamkan. Misalnya, kalau kebudayaan itu menggalakkan sikap mementingkan yang baharu dan rekaan-rekaan seperti di Amerika, maka sifat inisiatif akan menjadi satu anasir dalam peribadi nasional bangsa yang mempunyai kebudayaan

itu. Sebaliknya pula, kalau kebudayaan itu memuja yang lama seperti dalam masyarakat Melayu (ingatkan pepatah “Aku lebih dahulu makan garam dari kau”) maka sifat inisiatif kurang ataupun tiada langsung dalam bangsa itu dan orang-orang di situ menjadi pak turut sahaja. Seterusnya apabila perubahan besar berlaku dalam kebudayaan itu, peribadi nasional bangsa itu akan berubah pula.” (Halaman 58).

Revolusi Mental seterusnya menerangkan jika ada satu unsur peribadi nasional satu bangsa terdapat pada bangsa lain ini menunjukkan adanya anasir-anasir sama, kebudayaan yang menyebabkan adanya unsur yang sama itu. Tidak ada pertentangan antara peribadi kelas, agama, jenis kerja dan nasional kerana semuanya itu boleh dimasukkan ke dalam peribadi nasional.

Kata *Revolusi Mental*: “Demikianlah kerana Amerika mempunyai bahagian kelas menengah yang lebih besar dari kelas-kelas lain, maka peribadi-peribadi kelas menengahlah yang lebih berpengaruh dalam peribadi nasional Amerika. Peribadi ini juga boleh didapati dalam mana-mana kelas menengah dalam lain-lain negeri. Misalnya, di negeri-negeri yang pendapatan perkapitanya tinggi, peluang pelajaran dan peluang mendapatkan kemahiran terbuka, dan bahagian kelas menengahnya besar, demokrasi hidup subur seperti di England, Scandinavia, Switzerland, dan Amerika, sifat demokratik merupakan satu dari peribadi nasional bangsa-bangsa tadi.” (Halaman 59).

Peribadi nasional juga berubah, katanya terutama kerana pelajaran baru. “Misalnya apabila lebih banyak orang Melayu mendapat pelajaran moden, maka peribadi nasional mereka juga akan berubah seperti yang berlaku di masyarakat lain di dunia. Oleh

itu, pada masa hadapan, sekiranya bilangan orang-orang kelas menengah dan yang berpendidikan moden lebih banyak dalam masyarakat Melayu, maka peribadi kelas menengahlah yang akan merupakan asas peribadi nasional orang Melayu.” (Halaman 59-60).

Dalam soal penentuan peribadi bangsa, ataupun peribadi nasional, *Revolusi Mental* sudah banyak terkeliru. Ia tidak benar-benar memahami pendapat Margaret Mead bahwa peribadi nasional itu ialah peribadi yang terdapat di kalangan orang ramai satu bangsa yang dipengaruhi oleh kebudayaan. Pertama sekali *Revolusi Mental* tidak menerangkan apa yang dimaksudkan dengan *peribadi*. Suatu peribadi itu ialah keseluruhan sifat-sifat dan sikap-sikap yang menentukan cara seseorang bertindak jika dihadapi oleh sesuatu keadaan atau jika hendak menuju sesuatu. Istilah *peribadi*, walaupun mempengaruhi perbuatan, tidak boleh disamakan dengan perbuatan. Umpamanya, jika seorang sedekah duit tiap-tiap hari Jumaat di mesjid, ini belum berarti peribadinya dermawan. Kalau dia merasa kecewa, terpaksa oleh kerana hendak menjaga nama, peribadinya itu tidak dermawan. Ia berbuat sesuatu kerana tekanan pengaruh-pengaruh luar.

Sebaliknya ada pula seorang lagi yang berjiwa dermawan tetapi tidak ada duit. Dia tidak bersedekah. Walaupun perbuatan menderma tidak dilaksanakan, peribadinya tetap dermawan. Sifat dermawan ini merupakan sifat kekal dalam kehidupannya. Demikianlah dengan adanya sistem demokrasi ini tidak berarti bahwa peribadi bangsa itu demokrasi, yakni peribadi yang terbanyak.

Contohnya Inggeris sahaja. Sebelum perang Dunia Kedua bangsa Inggeris menjajah di luar negerinya,

tetapi menjalankan demokrasi dalam negerinya sendiri, sedangkan di jajahannya, yang dijalankan ialah sistem kerajaan paksaan. Sistem paksaan ini disokong oleh bilangan terbesar orang-orang Inggeris. Kalau unsur demokrasi termasuk dalam rangka peribadi bangsa Inggeris, seharusnya bangsa Inggeris tidak menjajah. Sebaliknya negeri Cina yang sudah beribu tahun tidak berdemokrasi, tidak menjajah. Terang di sini bahwa sistem pemerintahan, walaupun pengaruhnya terhadap peribadi ada, tidaklah semudah difahami sebagaimana yang dilukiskan oleh *Revolusi Mental*.

Selain dari itu istilah peribadi bangsa bukanlah satu campuran peribadi-peribadi golongan-golongan yang ada. Umpamanya kalau kita ambil empat orang sahaja, anak raja, pak tani, tukang gantung, dan penembak anjing. Di kalangan empat orang ini ada peribadi perseorangan yang pada keseluruhannya berlainan dan ada peribadi bangsa Melayu yang sama. Sikap-sikap dan sifat-sifat yang sama inilah, yang diakui oleh semuanya, yang ditanam oleh kebudayaan melalui saluran didikan, yang mempengaruhi orang terbanyak, yang kita maksudkan dalam pengertian peribadi nasional, bukan campuran empat-empatnya. Umpamanya kesemuanya itu akan marah jika ditegur dengan kasar. Tetapi tidak kesemuanya gemar pada lagu yang sama.

Peribadi nasional adalah satu pengertian yang meliputi seluruh masyarakat. Tidak selamanya dipengaruhi oleh peribadi kelas yang terbesar sebagaimana diterangkan oleh *Revolusi Mental*. Kononnya peribadi nasional Amerika lebih dipengaruhi oleh kelas menengah Amerika yang dianggap oleh *Revolusi Mental* sebagai kelas terbesar. Jika benar kelas yang terbesar itu paling besar pula pengaruhnya atas peri-

badi nasional, maka dengan sendirinya peribadi nasional Melayu paling besar dipengaruhi oleh golongan tani, sedangkan dalam sejarah, kelas atasan yang besar pengaruhnya walaupun tidak terbesar jumlahnya. Nyata di sini bahwa *Revolusi Mental* belum memahami konsep peribadi nasional.

Sebuah buku yang masyhur dewasa ini tentang peribadi nasional ialah karangan Ruth Fulton Benedict, *The Crysanthemum and the Sword** Benedict menulis tentang peribadi Jepun, semasa Perang Dunia Kedua. Buku ini mungkin tidak diketahui oleh pengarang *Revolusi Mental*. Yang pasti belum dibaca, kerana tanda-tandanya tidak ada dalam *Revolusi Mental*.

Salahsatu unsur peribadi nasional yang dikemukakan oleh Benedict berkenaan dengan orang Jepun ialah faham kuat orang-orang Jepun terhadap masyarakat bertingkat. Masing-masing ada tempatnya dalam berbagai tingkat masyarakat. Kesedaran tingkat kuat sekali dan ia meliputi seluruh masyarakat. Kesalahan Jepun, menurut Benedict, ialah menggunakan faham tingkat tinggi-rendah ini pada dunia luar. Bangsa-bangsa di Asia memang digolongkan pada tinggi-rendah oleh Jepun, dengan ianya sebagai yang tertinggi. Kesedaran bertingkat (hierarchy) ini adalah salahsatu unsur peribadi nasional Jepun. Ia meliputi seluruh orang-orang Jepun. Ia mempengaruhi cara mereka hidup. Ia meliputi kelas-kelas masyarakat Jepun. Dalam semua kelas unsur ini besar pengaruhnya. Ia mempengaruhi perbuatan orang-orang Jepun. Sifat industri Jepun dan demokrasi Jepun sekarang kuat di-

* Ruth Fulton Benedict, *The Crysanthemum and the Sword*, Routledge-Kegan Paul, London, 1967.

pengaruhi oleh unsur ini. Watak nasional Jepun tidak berubah, walaupun sistem pemerintahan sudah berubah. Peribadi nasional itu lebih dalam pengaruhnya dari sistem pemerintahan.

Yang dimaksudkan dengan peribadi nasional bukan pula sifat-sifat tertentu sebagai pertanian ataupun perindustrian. Bukan pula kemerosotan-kemerosotan masyarakat, atau pun penyakit-penyakit masyarakat. Bahwa sifat mengamuk, matagelap, hilang ingatan, membinasakan jiwa, telah dianggap sebagai sifat penting daripada peribadi Melayu oleh Dr. Mahathir ialah satu peristiwa yang sangat menyedihkan. Perbuatan gila dianggap bagian dasar peribadi Melayu. Dengan pendapat demikian Dr. Mahathir telah merendahkan peribadi Melayu lebih dari *Revolusi Mental* dan lebih dari penjajah Inggeris. Yang gemar melukiskan peribadi Melayu secara demikian adalah penjajah-penjajah Inggeris.

Pentadbir Inggeris yang masyhur dari zaman penjajahan Hugh Clifford, dalam bukunya *Studies in Brown Humanity*,* mengatakan bahwa *latah* ialah sifat terlahir daripada jiwa Melayu. Tiap-tiap orang Melayu, jika didesak oleh keadaan, akan berbuat *latah*. Kecenderungan *latah* tertanam dalam jiwa Melayu. Cara pemikiran ini digunakan oleh Dr. Mahathir dengan perbezaan ianya menggunakan *mengamuk* tidak *latah* sebagai bagian sendibesar peribadi Melayu. Jika *mengamuk* dianggap demikian oleh Dr. Mahathir, mengapa tidak *latah*, mengapa tidak masuk *pelesit* juga dianggap sebagai bagian dasar peribadi Melayu? Alasan bahwa *mengamuk*, jika digunakan, hanya ter-

* Hugh Clifford, *Studies in Brown Humanity*, Grant Richards, London, 1898.

dapat di kalangan Melayu, selain daripada tidak benar, tidak dapat dikemukakan, kerana dasar pemikirannya salah. Hanya di kalangan orang-orang Barat terdapat satu macam pembunuhan diri yang berakar dalam satu kekosongan jiwa yang disebut *anomie* dalam ilmu-masyarakat sekarang. Adakah ini berarti membunuh diri bagian dari peribadi Barat?

Di negeri kita sahaja jenayah menculik orang kaya dilakukan oleh penjahat-penjahat Cina dan mangsanya juga hanya orang-orang Cina. Memang ada sebab-sebab yang bersangkutan dengan masyarakat Cina, tetapi sangatlah kita keliru jika kita mengatakan bahwa sifat menculik itu bagian dasar peribadi Cina. Ada juga penyakit jiwa yang terdapat pada umumnya di kalangan Cina, iaitu apa yang dinamakan *koro*. Koro ini satu penyakit jiwa. Penyakit ini berupa hilangnya kuasa kelamin dan kecutnya kemaluan, masuk ke dalam badan. Oleh kerana penyakit jiwa ini hanya terdapat di kalangan orang-orang Cina, dapatkah kita katakan koro itu merupakan bagian dasar peribadi Cina? Tentu tidak! Ini satu pendapat yang bebal. Demikian juga penyakit amuk. Bahwa beberapa orang Melayu telah diserang oleh penyakit amuk, tidaklah berarti amuk itu merupakan bagian dasar peribadi Melayu.

Selain dari yang di atas istilah peribadi nasional mengandung unsur-unsur yang demikian:

(a) Peribadi yang dipupuk oleh kebudayaan melalui saluran pengaruh ataupun pendidikan yang sah dan umum. Umpamanya, sifat sopansantun yang dikaitkan dengan peribadi Melayu oleh kebudayaan dihidupkan melalui saluran pendidikan atau pengaruh yang dianggap semestinya oleh masyarakat dengan terang-terang.

(b) Peribadi yang dituju berdasarkan atas nilai-nilai yang dianggap baik dan patut oleh kebudayaan. Umpamanya, kebudayaan Melayu mengetahui dan menentukan sifat *kurang ajar*. Tetapi sifat ini tidak masuk dalam lukisan peribadi Melayu. Tidak semua yang disadari, diperhatikan oleh kebudayaan merupakan bahan bentuk peribadi nasional, sungguhpun makna kedua jenis peristiwa tadi ditentukan oleh kebudayaan. Erti perbuatan *kurang ajar* ditentukan oleh kebudayaan. *Kentut* depan orang ramai dalam kebudayaan Melayu dianggap *kurangajar* ataupun *kurang sopan*. Dalam kebudayaan Inggeris ini tidak dianggap sangat berat.

(c) Nilai-nilai peribadi menjelma dalam penghidupan orang ramai, tidak terpendam berkurunkurun, tidak keluar di kalangan orang ramai sehingga mereka mati.

Jika ketiga-tiga syarat di atas tidak terdapat, maka unsur itu tidak termasuk peribadi nasional. Unsur mengamuk, matagelap, hilang ingatan, berbuat tidak senonoh, membahayakan atau menganiayakan tubuh manusia lain bukan unsur peribadi Melayu kerana kebudayaan Melayu tidak mengutamakan, tidak mengajarnya melalui saluran-saluran sah, dan ianya pula tidak diamalkan oleh banyak orang-orang Melayu.

Dr. Mahathir mengatakan bahwa peradaban telah menekan segi peribadi Melayu ini, iaitu mengamuk. Walaupun demikian katanya, unsur ini merupakan bagian daripada peribadi Melayu. (Halaman 118).

Sebetulnya *unsur mengamuk* yang diakui oleh kebudayaan bukanlah yang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir. Dalam tulisan-tulisan sejarah terdapat uraian-uraian tentang peristiwa *mengamuk* yang ertinya lain sama sekali. Yang dimaksudkan dengan

mengamuk ialah suatu cara bertempur melawan musuh yang jumlahnya jauh lebih besar. Pahlawan yang mengamuk itu menyerang musuh, dengan cepat, membinasakannya, menimbulkan huru-hara di kalangannya, menunjukkan keberanian yang luarbiasa. Keadaan jiwanya tidak terganggu. Ingatannya tidak hilang. Ia tidak menyerang secara babibuta siapa sahaja yang dekat dan tidak bersalah, anak, isteri, atau sebarang orang di jalan. Amuk pahlawan yang dilukiskan dalam sejarah Melayu adalah perbuatan yang waras, satu cara bertempur yang berani. Ini memang dianggap sebagai unsur peribadi pahlawan Melayu di masa yang lampau, bukan letupan jiwa yang sangat tertindas merupakan perbuatan gila membinasakan manusia-manusia lain secara babi buta. Dari siasat dan tipu daya pertempuran perbuatan yang gila dan tidak teratur itu merugikan. Tidak pernah tentera Melayu dahulu menggunakan pahlawan yang mengamuk secara gila.

Selain dari pandangannya tentang suatu segi dari peribadi Melayu tadi, Dr. Mahathir juga telah mengemukakan suatu pendapat yang ganjil dan menyeleweng dari dasar-dasar ilmiah mungkin disebabkan oleh kerana keahlian beliau dalam bidang ilmu yang mempelajari kemajuan kurang sekali. Beliau mengatakan bahwa sifat semulajadi (hereditary factors) orang-orang Melayu membawa kemunduran sedang orang-orang Cina dianggapnya bersifat semulajadi yang membawa kemajuan. Tajuk karangan beliau 'Pengaruh semulajadi dan alam sekeliling atas bangsa Melayu'.*

Tulisan Dr. Mahathir mengenai soal semulajadi dan kemajuan Melayu mengeruhkan aliran pemikiran

* Lihat: *The Malay Dilemma*, bab 3.

tentang soal ini. Beliau membawa pendapat yang tidak didukung oleh dalil-dalil yang kuat. Pemikirannya bercampuraduk dan tidak merangkut bukti yang nyata.

Kemunduran orang-orang Melayu dibandingkan dengan orang-orang Cina, kata Dr. Mahathir, disebabkan, di antara lain oleh sifat-sifat semulajadi Melayu. Sifat-sifat ini menghalang kemajuan. Malangnya Dr. Mahathir tidak menerangkan apa sifat-sifat ini. Tidak ada gunanya kita mengatakan sifat-sifat semulajadi Melayu menghalang kemajuan, jika tidak diterangkan apa sifat-sifat ini. Umpamanya, kalau Dr. Mahathir mengatakan *orang Melayu malas dari sifat semulajadinya*, baru sifat itu diterangkan. Baru kita dapat bahaskan secara ilmiah, apakah pendapat itu benar atau salah. Dr. Mahathir juga membahaskan pengaruh keadaan sekeliling (environment) atas nasib masyarakat Melayu, sebagai banyaknya orang-orang kampung yang diserang malaria. Pengaruh malaria ini tidak dianggap semulajadi.

Bagi orang-orang Cina di negerinya, penghidupan itu merupakan suatu perjuangan terus-menerus untuk hidup (continuous struggle for survival). Dalam proses ini yang lemah jiwa dan badannya terdesak oleh yang kuat dan berdaya-upaya. Turun-temurun dalam masa 4000 tahun, proses memisahkan yang lemah ini terus berlaku hingga hanya yang kuatlah saja yang dapat hidup. Selain daripada ini adat Cina melarang kawin dengan puak sendiri. Perkahwinan luar keluarga dan luar puak lebih bertambah dari kawin dalam puak. Sebaliknya orang-orang Melayu lebih cenderung kepada kawin dengan puak sendiri, umpamanya dengan sepupu. Oleh kerana itu adat Cina melahirkan jenis-jenis manusia yang terbaik. (Halaman 24).

Selain daripada yang di atas adat Melayu tidak menghargai hidup tidak beristeri (celibacy), kata Dr. Mahathir. Semua mesti kawin. Akhirnya yang tidak patut kawin pun kawin dan beranak. Mereka ini ialah orang-orang yang tolol, yang cetek fikiran. Dengan cara kawin dan beranak mereka ini menambah jumlah. Demikian juga kawin antara sepupu di kalangan Melayu menyebarkan sifat-sifat kurang baik di antara kanak-kanak mereka. (Halaman 29).

Nyata di sini bahwa Dr. Mahathir menyalahkan kebiasaan orang-orang Melayu kawin dengan sepupu sebagai penghalang kemajuan dari segi bangkitnya sifat-sifat baik semulajadi di kalangan orang Melayu. Selain dari itu dia salahkan keadaan alam Tanah Melayu yang menyebabkan usaha mencari hasil hidup serba mudah. Usaha kuat atau kepandaian tinggi tidak diperlukan untuk mendapat makanan. Banyak makanan bagi setiap orang sepanjang masa. Kebuluran tidak didapati di Tanah Melayu. Yang lemah dan yang paling tidak suka usaha dapat hidup kuranglebih senang, kawin dan beranak. (Halaman 21). Demikianlah menurut Dr. Mahathir sifat semulajadi Melayu lemah. Dihadapi oleh masyarakat Cina yang sifat semulajadinya kuat, orang-orang Melayu terdesak ke belakang.

Pendapat Dr. Mahathir ini adalah suatu kekhilafan yang besar, ditabir oleh dunia pemikiran yang terbatas. Selain dari kaum rasis, kaum fasis, kaum Nazi di Jerman semasa Hitler dan kaum penjajah Eropah yang rasis, pendapat demikian itu telah ditolak oleh hampir keseluruhan ahli-ahli ilmu pengetahuan. Selain dari itu biasanya yang berpendapat sebagai Dr. Mahathir, yakni yang percaya sifat semulajadi menentukan tinggi rendah kemajuan sesuatu bangsa, biasanya

menggunakan pendapat itu untuk meninggikan bangsanya. Dr. Mahathir merendahkan bangsanya. Ilmu masyarakat (social science) telah membagi pengaruh-pengaruh pembentukan manusia pada dua jenis, yang satu *biogenic* dan yang satu lagi *sociogenic*, ataupun heredity (semulajadi) dan environment (sekeliling). Yang dimaksudkan dengan sekeliling adalah pengaruh masyarakat, keadaan alam, kebudayaan dan peristiwa-peristiwa yang terjadi. Sifat semulajadi itu memang ada dan Dr. Mahathir telah juga menyebutnya. Tetapi kekhilafan Dr. Mahathir mencampuradukkan sifat-sifat ini dengan sifat-sifat yang timbul akibat sekeliling.

Yang pasti telah ditentukan oleh ilmu pengetahuan ada dua macam sifat semulajadi. Yang satu khusus untuk sesuatu jenis bangsa dan yang lainnya pula tersebar di antara seluruh manusia dengan tiada memandang jenis bangsa.

Baiklah kita ambil contoh yang mudah di sini. Katakan seorang negro Amerika melahirkan anak. Bayi itu hitam dan rambutnya jika telah tumbuh keriting halus. Selain daripada ini ada sifat-sifat lain, umpamanya jenis suara, jenis bibir dan banyak yang lain-lain. Ini memang semulajadi. Tetapi sifat kepandaian, banyak atau kurangnya, sungguhpun semulajadi, tidak khusus kepada bayi itu. Sifat ini, berbeda dengan warna hitam dan rambut keriting, didapati dalam tiap-tiap bayi di dunia dari seluruh bangsa. Belum pernah ada ilmu yang membuktikan bahwa sifat ini lebih terdapat, atau kurang terdapat, di kalangan sesuatu bangsa. Yang pasti ilmu *genetics* hanya membuktikan turunnya sifat-sifat seperti warna mata, rambut, kulit, bentuk mata, bentuk kepala dan



Dr. Syed Hussein Alatas lahir di Bogor, 1928, ialah seorang ahli ilmu-masyarakat (sociology) Malaysia dari Johor Bahru. Beliau telah belajar 10 tahun di Universiti Amsterdam, Negeri Belanda, dari mana beliau mendapat ijazah doktor dalam ilmu politik dan masyarakat. Sekarang beliau menjadi Mahaguru dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Singapura, sejak 1967. Sebelum itu

beliau bekerja sebagai Pensyarah dan Ketua Bagian Kebudayaan, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Semasa tahun 1958-1960 beliau bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pegawai Penyelidik Kanan dan Ketua Bagian Penyelidik. Tidak lama ini beliau telah menjadi anggota Majlis Perundangan Negara dan Ahli Dewan Negara, semasa beliau bergiat dalam politik. Karangan-karangan ilmiah beliau banyak terbit di luar negeri. Dalam negeri karangan beliau banyak juga terbit dalam bahasa kebangsaan tentang Islam, bahasa dan soal-soal masyarakat. Beliau selalu menghadiri konferensi-konferensi pakar di luar negeri. Baru-baru ini karangan beliau tentang parancangan telah diterbitkan oleh Unesco, Paris. Beliau telah mengarang tiga buku dan kira-kira dua puluh risalah ilmiah. Buku yang keempat sedang diterbitkan di Australia. Beliau pernah memberi kuliah atas undangan dari Mesir, Amerika, Jerman, dan Philippine, selain dari menghadiri banyak kongres-kongres ilmiah di luar negeri.



PUSTAKA NASIONAL

Harga \$2.20

